

PENCEN



PENCEN

- Bayaran yang diterima oleh pesara kerana persaraan

KATEGORI PENCEN

- Capai umur persaraan
- Disebabkan keuzuran / sakit
- Meninggal dunia (pencen diterima oleh balu, anak atau saudara tanggungan)

PENCEN YANG DIKENAKAN CUKAI

- Daripada tabung pencen yang tidak diluluskan
 - Skim pencen bukan kerajaan perlu mendapat kelulusan LHDNM untuk pengecualian cukai atas pencen yang diterima oleh pekerja setelah bersara
- Menerima lebih daripada satu pencen (Akta Cukai Pendapatan 1967, Para 30 Jadual 6)
 - Pengecualian diberikan ke atas amaun pencen yang tertinggi
- Bersara sebelum mencapai umur persaraan wajib

PENDAPATAN PESARA YANG DIKENAKAN CUKAI

- Pendapatan perniagaan
- Pendapatan penggajian
- Pendapatan dividen, faedah dan diskaun
- Pendapatan sewa, royalti dan premium
- Anuiti dan bayaran berkala yang diterima
- Pendapatan lain

BERSARA SECARA PILIHAN

- Jika pekerja memilih bersara secara pilihan sebelum umur wajib bersara (55 tahun) atau bersara tidak disebabkan keuzuran / sakit, pencen yang diterima adalah dikenakan cukai sehingga mencapai umur 55 tahun

TANGGUNGJAWAB SEBELUM BERSARA

- Kemaskini fail cukai pendapatan
- Kemukakan salinan CP21 / CP22A / CP22B yang lengkap diisi oleh majikan ke cawangan LHDNM yang mengendalikan fail cukai pendapatan

PENCEN

TANGGUNGJAWAB SELEPAS BERSARA

- Pesara masih mempunyai tanggungjawab untuk melaporkan pendapatan dan menghantar Borang Nyata Cukai Pendapatan jika :
 1. Menerima pendapatan lain yang dikenakan cukai
 2. Sehingga pada tahun taksiran dimana persaraan itu berlaku

KELAYAKAN DAN SYARAT PENCEN YANG DIKEGUALIKAN CUKAI

KELAYAKAN

Capai umur persaraan wajib **1**

SYARAT

- 55 tahun atau tertakluk kepada undang-undang bertulis

KELAYAKAN

Pencen disebabkan keuzuran / sakit **2**

SYARAT

- Disahkan oleh Lembaga Perubatan

KELAYAKAN

Pencen kecederaan dan cacat anggota **3**

SYARAT

- Khas untuk pasukan keselamatan
 - Alami kecederaan / kecacatan semasa bertugas
 - Pencen yang diterima oleh balu / tanggungan

KELAYAKAN

Pencen balu dan anak-anak yatim **4**

SYARAT

- Dibayar oleh mana-mana skim pencen yang diluluskan

KELAYAKAN

Pencen-pencen politik **5**

SYARAT

- Capai umur 55 tahun
- Berhenti disebabkan keuzuran

